

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: Sunday, April 30, 2017 10:10 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Ariffin bin Abdul Mutalib
Subject: SMMTC-MCMC BANTU TINGKAT KEMAHIRAN SUKARELAWAN ICT MALAYSIA



**Pusat Pengajian Teknologi
Multimedia dan Komunikasi**

SCHOOL OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY AND COMMUNICATION

Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2017 / 04 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/YBr. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

SMMTC-MCMC BANTU TINGKAT KEMAHIRAN SUKARELAWAN ICT MALAYSIA



SMMTC ONLINE: Dalam menjayakan agenda transformasi negara melalui ICT, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) turut tidak melepaskan peluang untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi penganjuran Bengkel Malaysia ICT Volunteer (MIV).

Program yang diadakan pada 28-29 April 2017 terdiri daripada 60 orang Pengurus dan Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) termasuk sukarelawan dari seluruh negeri Kedah yang diadakan di Hotel Grand Alora, Alor Star. SMMTC melalui penglibatan bengkel ini menampilkan beberapa pensyarah sebagai penceramah iaitu En. Nizam Saad dengan tajuk "Introduction to Videography" dan Dr. Sabrina Mohd Rashid dengan pembentangan "Social Media Marketing". Turut sama dalam bengkel ini ialah Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan Ismail dengan topik "Introduction to Fotography".

Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib berharap kerjasama dengan MCMC akan mengukuhkan jaringan industri terutama dalam bidang ICT dan masyarakat. Platform seperti ini akan memberi peluang kepada pensyarah dan pelajar SMMTC menyumbang tenaga dan kepakaran kepada penduduk negeri Kedah dan Malaysia amnya. Selain itu bengkel ini turut mempromosikan program yang ditawarkan oleh SMMTC kepada belia yang ingin melanjutkan pengajian tinggi dalam bidang teknologi multimedia dan komunikasi.

HABIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.